

Tema : 3 Keselamatan

Unit : 8 Sentiasa Berhati-hati / BT ms 56-57 /2.2.1

Tajuk : Utamakan Keselamatan

Objektif Pembelajaran : Pada akhir pembelajaran murid dapat

- i. membaca cerpen dan menaakul kronologi plot untuk membuat ramalan pengakhiran cerita dengan logik.
- ii. melengkapkan kuiz pemahaman cerpen dengan memperoleh sekurang-kurangnya 4/5 markah.

Arahan A: Baca cerpen "Cerpen Bacaan Robin" dan lengkapkan peta alir di bawah.

Membaca

Utamakan Keselamatan

Robin dan Irfan membaca cerpen di sudut bacaan kelas. Tiba-tiba, loceng berbunyi menandakan waktu persekolahan sudah tamat. Mereka tidak sempat menghabiskan bacaan. Sewaktu berjalan pulang, mereka meramalkan kesudahan cerpen tersebut.

Cerpen Bacaan Robin

Seperti biasa, Alif berjalan pulang dari sekolah kerana ayahnya bertugas di luar kawasan. Setibanya di rumah, Alif menikmati makanan tengah hari dengan ibunya. Alif memerhatikan ibunya yang tidak berselera untuk makan. Timbul perasaan kasihan terhadap ibunya yang sedang sarat mengandung.

"Ibu, kenapakah ibu makan sedikit sahaja? Ibu tidak sihat?" tanya Alif.

"Perut ibu sakit. Selepas makan nanti, Alif, tolong panggil jiran kita, Pak Cik Akob dan Mak Cik Limah," pinta ibu.

Selepas makan, Alif terus ke rumah Pak Cik Akob tetapi jirannya itu tiada di rumah. Alif sangat risau akan keselamatan ibunya yang keseorangan di rumah. Demi keselamatan ibunya, Alif segera berlari pulang. Rumah mereka terletak jauh sedikit dari rumah penduduk kampung tersebut.

"Ibu, Pak Cik Akob tiada di rumah. Apa kita nak buat ibu? Kita mesti bertindak pantas demi keselamatan ibu," kata Alif.

Alif terus mencapai telefon bimbit ibunya ...

segera berlari pulang

pulang dari sekolah

menikmati makanan tengah hari

ke rumah jiran tetapi jiran tiada

mencapai telefon bimbit

perut ibu sakit

Arahan B: Jawab soalan berdasarkan bahan.

1. Mengapakah Alif berasa cemas sebaik sahaja melangkah masuk ke dalam rumahnya?

- A. Kerana dia melihat rumahnya bersepah dan pintu terbuka.
- B. Kerana dia terlupa menyiapkan kerja sekolah subjek Sains.
- C. Kerana dia mendengari ibunya mengerang kesakitan di ruang tamu.

2. Berdasarkan kronologi cerita m/s 56, apakah tindakan PERTAMA yang dilakukan oleh Alif untuk membantu ibunya?

- A. Mengambil telefon bimbit lalu menghubungi talian kecemasan dengan tenang.
- B. Mengangkat ibunya masuk ke dalam bilik tidur.
- C. Berlari keluar rumah untuk mencari pengawal keselamatan.

3. Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya Alif panik dan terus menangis apabila melihat ibunya sakit?

- A. Ibu Alif akan sembuh dengan sendiri.
- B. Ayah Alif akan pulang lebih awal dari tempat kerja.
- C. Bantuan perubatan akan terlambat tiba dan membahayakan nyawa ibunya.

4. Apakah nilai murni sikap Alif paling utama yang ingin disampaikan melalui cerpen "Utamakan Keselamatan"? Kenapa sikap itu penting?

- A. Kerajinan dalam menuntut ilmu sains di sekolah.
- B. Kasih sayang dan kecekapan bertindak semasa kecemasan demi menyelamatkan nyawa.
- C. Kejujuran dalam berkata-kata kepada ibu bapa.

5. Robin tidak sempat menghabiskan bacaan cerpennya. Namun dia dapat meramalkan tindakan Alif. Dia pasti Alif akan menelefon talian kecemasan 999 dan melaporkan situasi cemas yang dihadapinya. Kemudian, ambulans pasti akan tiba.

Apakah pula ramalan Irfan bagi kesudahan cerpen yang dibaca?

Berdasarkan poster ini, setiap kanak-kanak haruslah diberi pendedahan dan dididik tentang kepentingan talian kecemasan 999 supaya mereka tahu cara dan masa yang perlu untuk membuat panggilan kecemasan tersebut. Selain itu, kanak-kanak juga perlu tahu keadaan yang dianggap kes kecemasan. Seterusnya, kanak-kanak juga diingatkan agar tidak sesekali mendail talian kecemasan 999 sesuka hati sekiranya tiada kes kecemasan yang memerlukan pertolongan segera.